

Terus anjur seminar pendidikan berimpak tinggi



MyMetro > Mutakhir



PESERTA Seminar SPM BH-DRB HICOM 2017 di Kompleks Ibu Pejabat EON Berhad, semalam.

HM Digital

Shah Alam: Usaha berterusan BH dan DRB-HICOM menganjurkan seminar pendidikan berimpak tinggi menunjukkan keprihatinan badan korporat terhadap pembangunan komuniti setempat.

Program yang mendukung aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 Kementerian Pendidikan untuk menjamin kualiti pendidikan itu turut menjadi platform berkesan bagi melahirkan pemimpin berkaliber pada masa hadapan.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Sazali Ahmad berkata, penganjuran seminar berkenaan bertepatan dan mampu mencorak masa depan pelajar yang bakal menjadi pemimpin negara serta berupaya memacu kemajuan sesebuah organisasi ke tahap lebih tinggi.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 15 Oktober 2017 @ 7:09 AM